



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 21
No. 7

31hb Mac 1977

*TAMBAHAN No. 20
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 69.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

DAN

AKTA PETROLIAM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH RELIEF CUKAI DUA KALI (CANADA) 1977

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (1) Akta Petroliam (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah yang berikut:

*Akta 53.
45/67.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Relief Cukai Dua Kali** (Canada) 1977.

Nama.

2. Maka adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Canada dengan tujuan hendak memberi relief daripada cukai dua kali berbubung dengan cukai Malaysia dan cukai Canada (sebagaimana ditakrifkan, mengenai tiap-tiap satunya, dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah mustahak supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

*Pengisytiharan
relief daripada
cukai dua kali*

Jadual

(Perenggan 2)

PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN CANADA BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS PENDAPATAN

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Canada hendak membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti berikut:

I. BIDANG PERJANJIAN

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu daripada atau kedua-dua Negara-negara Berjanji.

Perkara 2**CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI**

1. Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi cukai-cukai atas pendapatan yang dikenakan bagi pihak tiap-tiap satu Negara Berjanji, tidak kira caranya cukai-cukai itu dilevi.
2. Cukai-cukai yang sedia ada yang baginya Perjanjian ini hendaklah dipakai ialah:
 - (a) berkenaan dengan Malaysia:

cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan; cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; cukai pendapatan petrolam, (kemudian daripada ini disebut “cukai Malaysia”);
 - (b) berkenaan dengan Canada:

cukai-cukai pendapatan yang dikenakan oleh Kerajaan Canada, (kemudian daripada ini disebut “cukai Canada”).
3. Perjanjian ini hendaklah juga dipakai bagi apa-apa cukai yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai atas pendapatan yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti kepada, cukai-cukai yang sedia ada. Negara-negara Berjanji hendaklah memberitahu satu sama lain apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaianya masing-masing.

II. TAKRIF**Perkara 3****TAKRIF AM**

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:
 - (a) istilah “Malaysia” ertinya, Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadan dengan wilayah perairan Malaysia yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah dan mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia berkenaan dengan Pelantar Benua sebagai suatu kawasan yang di dalamnya Malaysia boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan dasar laut dan tanah-bawah dan hasil-hasil buminya;
 - (b) istilah “Canada” jika digunakan menurut fahaman ilmu alam, ertinya wilayah Canada, termasuk mana-mana kawasan di luar wilayah perairan Canada yang, menurut undang-undang Canada, adalah suatu kawasan yang di dalamnya Canada boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan dasar laut dan tanah-bawah dan hasil-hasil buminya;
 - (c) istilah “suatu Negara Berjanji” dan “Negara Berjanji yang satu lagi itu” ertinya Malaysia atau Canada, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
 - (d) istilah “orang” termasuklah seseorang perseorangan, sesuatu syarikat dan lain-lain pertubuhan orang;
 - (e) istilah “syarikat” ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud-maksud cukai di bawah undang-undang

Negara-negara Berjanji masing-masing; dalam Bahasa Perancis, istilah “societe” juga ertinya suatu “perbadanan” dalam pengertian undang-undang Canada;

- (f) istilah “enterpris bagi suatu Negara Berjanji” dan “enterpris bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu” masing-masing ertinya suatu enterpris yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji dan suatu enterpris yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu;
- (g) istilah “pihakberkuasa yang layak” ertinya:
 - (i) berkenaan dengan Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa,
 - (ii) berkenaan dengan Canada, Menteri Hasil Negara atau wakilnya yang diberikuasa;
- (h) istilah “rakyat” ertinya:
 - (i) seseorang perseorangan yang menjadi warganegara suatu Negara Berjanji,
 - (ii) seseorang yang sah di sisi undang-undang, sesuatu perkongsian, persatuan dan entiti lain yang memperoleh tarafnya sedemikian daripada undang-undang yang berkuatkuasa dalam suatu Negara Berjanji;
- (i) istilah “cukai” ertinya cukai Malaysia atau cukai Canada, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (j) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa perjalanan suatu kapal atau kapaludara yang dikendalikan oleh suatu enterpris bagi suatu Negara Berjanji kecuali jika maksud utama perjalanan itu adalah untuk mengangkut penumpang-penumpang atau barang-barang di antara tempat-tempat di dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Berjanji apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan selainnya hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Berjanji itu berkenaan dengan cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini.

Perkara 4

DOMISIL FISKAL

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin bagi suatu Negara Berjanji” ertinya seseorang yang, di bawah undang-undang Negara itu, boleh dikenakan cukai di negara itu oleh kerana domisilnya, tempat kediamannya, tempat pengurusanannya, tempat perbadanannya atau lain-lain kriterium daripada jenis yang sama.
2. Jika oleh kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 seorang perseorangan adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti berikut:
 - (a) ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya. Jika ia mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (kemudian daripada ini disebut “pusat kepentingannya yang perlu”);

- (b) jika Negara Berjanji di mana ia mempunyai pusat kepentingannya yang perlu tidak dapat ditentukan, atau jika ia tidak mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
 - (c) jika ia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Berjanji atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji yang baginya ia adalah seorang rakyat;
 - (d) jika ia adalah seorang rakyat kedua-dua Negara Berjanji atau bukan seorang rakyat mana-mana satu Negara Berjanji, maka pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah menyelesaikan soal itu dengan persetujuan bersama.
3. Jika oleh kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang lain daripada seorang perseorangan adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji, maka pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah dengan persetujuan bersama berusaha menyelesaikan soal itu dan menentukan cara pemakaian Perjanjian ini bagi orang itu.

Perkara 5

PERTUBUHAN TETAP

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “pertubuhan tetap” ertinya tempat yang tetap bagi perniagaan di mana perniagaan enterprais itu dijalankan kesemuanya atau sebahagiannya.
2. Istilah “pertubuhan tetap” hendaklah termasuk terutama sekali:
 - (a) suatu tempat pengurusan;
 - (b) suatu cawangan;
 - (c) suatu pejabat;
 - (d) suatu kilang;
 - (e) suatu woksyo;
 - (f) suatu lombong, kuari, telaga minyak atau telaga gas atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau hasil hutan;
 - (g) suatu penternakan atau ladang atau lain-lain harta pertanian atau harta ternak maun;
 - (h) suatu tapakbina bangunan atau pembinaan, suatu projek pemasangan atau pemasangan yang telah wujud selama lebih daripada enam bulan.
3. Istilah “pertubuhan tetap” tidak boleh disifatkan sebagai termasuk:
 - (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu;
 - (b) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan;
 - (c) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud diproses oleh suatu enterprais yang lain;

- (d) penyenggaraan suatu tempat yang tetap bagi perniagaan semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan, atau mengumpul maklumat untuk enterprais itu;
 - (e) penyenggaraan suatu tempat yang tetap bagi perniagaan semata-mata bagi maksud pengiklanan, untuk memberi maklumat, bagi penyelidikan sains, atau bagi aktiviti-aktiviti yang sepadan serta bersifat persiapan atau tambahan, untuk enterprais itu.
4. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan berkenaan dengan sesuatu projek pembinaan, pemasangan atau pemasangan yang diusahakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
5. Seseorang—lain daripada seorang ejen yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 dipakai—yang bertindak dalam suatu Negara Berjanji bagi pihak suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut jika:
- (a) ia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara itu, suatu kuasa bagi membuat kontrak-kontrak bagi pihak enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan bagi enterprais itu, atau
 - (b) ia menyenggara dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dari mana ia biasanya memenuhi pesanan-pesanan bagi pihak enterprais tersebut.
6. Suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata oleh kerana ianya menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen kamsin atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka.
7. Nyataan bahawa sesuatu syarikat yang mana adalah seorang pemastautin suatu Negara Berjanji adalah mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang mana adalah seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu (samada melalui suatu pertubuhan tetap atau selainnya), tidak dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu pertubuhan tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

III. PERCUKAIAN PENDAPATAN

Perkara 6

PENDAPATAN DARI HARTA TAKALIH

1. Pendapatan dari harta takalih boleh dicukai di Negara Berjanji di mana terletak harta itu.
2. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “harta takalih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Berjanji di mana terletak harta yang berkenaan itu. Walau bagaimanapun, istilah itu hendaklah termasuk harta yang menyertai harta takalih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak-hak yang baginya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan

dengan harta tanah dipakai, hak bagi menikmati harta takalih dan hak-hak terhadap bayaran-bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan, atau hak bagi mengusahakan, deposit galian, telaga minyak, kuari dan lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau keluaran hutan; kapal-kapal, bot-bot dan kapaludara tidak boleh dianggap sebagai harta takalih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dipakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penggunaan secara langsung, penyewaan, atau penggunaan harta takalih dengan apa-apa cara lain dan bagi keuntungan dari pemberianmilik harta itu.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan dari harta takalih sesuatu enterprais dan bagi pendapatan dari harta takalih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional atau aktiviti-aktiviti lain yang bebas.

Perkara 7

PENDAPATAN ATAU KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Pendapatan atau keuntungan sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterprais itu menjalankan atau telah menjalankan perniagaan seperti tersebut di atas, maka pendapatan atau keuntungan enterprais itu boleh dikenakan dalam Negara yang satu lagi itu tetapi hanya di atas sekian banyak yang boleh dikaitkan dengan pertubuhan tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam tiap-tiap satu Negara Berjanji dikaitkan dengan pertubuhan tetap itu pendapatan atau keuntungan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika sekiranya ia adalah suatu enterprais yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa dalam keadaan yang sama atau serupa dan menjalankan urusan dengan sepenuh kebebasan dengan enterprais yang mana ianya adalah suatu pertubuhan tetap.

3. Pada menentukan pendapatan atau keuntungan suatu pertubuhan tetap maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan semua belanja, termasuk belanja-belanja menjalankan kerja dan pentadbiran am yang boleh ditolak jika pertubuhan tetap itu adalah suatu enterprais bebas, setakat belanja-belanja itu boleh diperuntukkan secara menasabah kepada pertubuhan tetap itu, samada dilakukan di Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak atau di tempat lain.

4. Tiada apa-apa pendapatan atau keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu pertubuhan tetap semata-mata oleh kerana pertubuhan tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.

5. Bagi maksud-maksud perenggan-perenggan yang di atas, pendapatan atau keuntungan yang hendak dikaitkan dengan pertubuhan tetap itu hendaklah ditentukan dengan cara yang sama tahun demi tahun melainkan jika ada sebab yang baik dan cukup sebaliknya.

6. Jika pendapatan atau keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diselenggarakan secara berasingan dalam Perkara-perkara lain dalam Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-perkara itu tidaklah tersentuh oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 8**PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA**

1. Pendapatan atau keuntungan yang perolehi oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dari pengendalian kapal-kapal atau kapal-udara dalam lalulintas antarabangsa boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu sahaja.
2. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan Perkara 7, pendapatan atau keuntungan yang diperolehi oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dari perjalanan suatu kapal atau kapaludara jika maksud utama perjalanan itu ialah untuk mengangkut penumpang-penumpang atau barang-barang di antara tempat-tempat di dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan atau keuntungan yang tersebut dalam perenggan-perenggan itu yang diperolehi oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dari penyertaannya di dalam suatu kumpulan, perniagaan bersama atau suatu ejensi yang dikendalikan secara antarabangsa.

Perkara 9**ENTERPRAIS-ENTERPRAIS BERSEKUTU**

Jika

- (a) suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji mengambil bahagian secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau
- (b) orang-orang yang sama mengambil bahagian secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dan bagi suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara kedua-dua enterprais itu dalam hubungan perniagaan atau kewangannya yang berlainan dengan syarat-syarat yang akan dibuat antara enterprais-enterprais bebas, maka apa-apa keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, tetap terakru kepada suatu daripada enterprais-enterprais itu, tetapi, telah tidak terakru sedemikian oleh sebab syarat-syarat itu, boleh dimasukkan dalam keuntungan enterprais itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 10**DIVIDEN-DIVIDEN**

1. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai diperolehi dari Negara Berjanji itu.
2. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji kepada seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara Berjanji yang satu lagi itu.
3. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Canada kepada seorang pemastautin Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia atas dividen itu, boleh dicukai di Canada

mengikut undang-undang Canada tetapi cukai yang dikenakan sedemikian tidaklah boleh melebihi 15 peratus dari amaun kasar dividen-dividen itu.

4. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia mempunyai suatu pertubuhan tetap di Canada ia boleh dikenakan suatu cukai sebagai tambahan kepada cukai yang akan boleh dikenakan ke atas pendapatan suatu syarikat yang menjadi rakyat Canada tetapi cukai itu tidak boleh melebihi 15 peratus dari pendapatan-pendapatan pertubuhan tetap itu yang telah tidak dikenakan cukai tambahan itu dalam tahun-tahun pencukaian yang dahulu. Bagi maksud peruntukan ini, istilah “pendapatan” ertinya pendapatan atau keuntungan-keuntungan yang boleh dikaitkan dengan suatu pertubuhan tetap di suatu Negara Berjanji dalam suatu tahun dan tahun-tahun dahulu selepas ditolak daripadanya semua cukai, lain daripada cukai tambahan yang tersebut dalam Perjanjian ini, yang dikenakan ke atas pendapatan atau keuntungan-keuntungan itu oleh Canada; walau bagaimanapun, ia tidaklah termasuk pendapatan atau keuntungan-keuntungan yang boleh dikaitkan dengan pertubuhan tetap suatu syarikat dalam suatu tahun dalam mana perniagaan syarikat itu telah tidak dijalankan secara utama di Canada

5. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada seorang pemastautin Canada yang mana adalah pemunya syarikat itu yang mendapat faedah hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dikenakan ke atas dividen-dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dikenakan berkenaan dengan pendapatan syarikat itu. Tiada suatu pun dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan suatu dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia yang daripadanya cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah, dipotong boleh diselaraskan dengan rujukan kepada kadar cukai yang sesuai dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun dalam mana dividen itu telah dibayar.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 3 dan 5 Perkara ini tidak boleh dipakai jika penerima dividen-dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji mempunyai di Negara Berjanji yang satu lagi itu yang baginya syarikat yang membayar dividen-dividen itu adalah seorang pemastautin, suatu pertubuhan tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan pemegangan yang oleh sebabnya dividen-dividen itu dibayar. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

7. Jika suatu syarikat adalah pemastautin bagi satu Negara Berjanji sahaja, Negara Berjanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai ke atas dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat dividen-dividen itu dibayar kepada seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu atau setakat pemegangan yang berkenaan dengannya dividen-dividen itu dibayar adalah bersangkutan secara berkesan dengan suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, dan juga tidak boleh mengenakan suatu cukai atas keuntungan-keuntungan yang tidak dibahagi-bahagi kepada keuntungan-keuntungan syarikat itu yang tidak dibahagi-bahagi, walaupun dividen-dividen yang dibayar itu atau keuntungan-keuntungan yang tidak dibahagi-bahagi itu terdiri kesemuanya atau sebahagiannya daripada keuntungan-keuntungan atau pendapatan yang terbit di Negara Berjanji yang satu lagi itu.

8. Istilah “dividen-dividen” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan dari syer-syer, syer-syer lombong, syer-syer pengasas atau lain-lain hak (yang bukannya tuntutan hutang) yang mengambil bahagian dalam keuntungan-keuntungan, dan juga pendapatan yang disatukan dengan pendapatan dari syer-syer oleh undang-undang cukai Negara Berjanji itu yang baginya syarikat yang membuat pembahagian itu adalah seorang pemastautin.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana bunga itu terbit, dan menurut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima bunga itu adalah pemunya bunga itu yang mendapat faedah, maka cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus dari amaun kasar bunga itu.

3. Bunga yang diperolehi daripada Malaysia oleh seorang pemastautin Canada yang mana adalah pemunya bunga itu yang mendapat faedah hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman atau lain-lain hutang yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah suatu “pinjaman yang diluluskan” sebagaimana ditakrifkan oleh seksyen 2 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Malaysia (sebagai- mana dipinda oleh Akta A98, 1972).

4. Istilah “bunga” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan dari tuntutan-tuntutan hutang dari segala jenis, samada atau tidak dicagarkan dengan gadaijanji, dan samada atau tidak memegang hak untuk mengambil bahagian dalam keuntungan-keuntungan siberhutang itu, dan khususnya, pendapatan dari cagaran-cagaran kerajaan dan pendapatan daripada bon-bon atau dibentur-dibentur, termasuk premium-premium dan hadiah-hadiah mengenai cagaran-cagaran, bon-bon atau dibentur-dibentur itu, dan juga pendapatan yang disatukan dengan pendapatan dari wang yang dipinjamkan melalui undang-undang cukai Negara di mana pendapatan itu terbit. Walau bagaimanapun, istilah “bunga” tidaklah termasuk pendapatan yang disifatkan sebagai “dividen-dividen” dalam Perkara 10.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh dipakai jika penerima bunga itu, yang adalah pemastautin bagi suatu Negara Berjanji, mempunyai di Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana bunga itu terbit suatu pertubuhan tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan tuntutan-tuntutan hutang dari mana bunga itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

6. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar bunga itu adalah Negara itu sendiri, suatu bahagian kecil politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, samada ianya seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berkenaan dengannya hutang yang dari mana bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh

pertubuhan tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.

7. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua daripada mereka dengan sesiapa orang lain, amaun bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, melebihi amaun yang tentu akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima itu jika sekiranya tidak ada perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang tersebut terakhir sahaja. Dalam hal yang begitu, bahagian yang berlebihan daripada bayaran-bayaran itu hendaklah terus boleh dikenakan cukai menurut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang lain.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti-royalti yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti-royalti itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana royalti-royalti itu terbit, dan menurut undang-undang Negara itu; tetapi jika penerima royalti-royalti itu adalah pemunya royalti-royalti itu yang mendapat faedah, maka cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus dari amaun kasar royalti itu.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2, royalti-royalti perindustrian yang diluluskan yang diperolehi dari Malaysia oleh seorang pemastautin Canada yang mana adalah pemunya royalti-royalti itu yang mendapat faedah hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia.

4. Istilah “royalti-royalti” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan kerana penggunaan, atau hak untuk menggunakan, apa-apa hakcipta mengenai karya sastra, pekerjaan seni atau sains, atau apa-apa patent, cap dagangan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau kerana penggunaan, atau hak untuk menggunakan kelengkapan perindustrian, perdagangan atau sains atau kerana maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau sains. Walau bagaimanapun, istilah itu tidaklah termasuk apa-apa royalti atau amaun lain yang dibayar berkenaan dengan filem-filem wayang gambar atau pita-pita untuk siaran radio atau talivisyen.

5. Istilah “royalti-royalti perindustrian yang diluluskan” ertinya royalti-royalti sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan 4 yang diluluskan dan diakui oleh pihakberkuasa Malaysia yang layak sebagai kena dibayar bagi maksud menggalakkan kemajuan perindustrian di Malaysia dan yang kena dibayar oleh suatu enterprais yang secara keseluruhannya atau secara terutamanya menjalankan aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam satu daripada jenis-jenis aktiviti yang berikut:

- (a) pengilangan, pemasangan atau pemerosesan;
- (b) pembinaan, kejuruteraan sivil atau pembinaan kapal; atau
- (c) letrik, tenaga haidero, perbekalan gas atau air.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh dipakai jika penerima royalti-royalti itu, yang adalah pemastautin bagi suatu Negara Berjanji, mempunyai di Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana royalti-royalti itu terbit suatu pertubuhan tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti-royalti itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

7. Royalti-royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar royalti-royalti itu adalah Negara itu sendiri, suatu bahagian kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti-royalti itu, samada ianya seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berkenaan dengannya tanggungan untuk membayar royalti-royalti itu telah dilakukan, dan royalti-royalti itu ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, maka royalti-royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.

8. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua daripada mereka dengan sesiapa orang lain, amaun royalti-royalti yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti-royalti itu dibayar, melebihi amaun yang tentu akan dipersetujui oleh pembayar atau penerima itu jika sekiranya tidak ada perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang tersebut terakhir sahaja. Dalam hal ini, bayaran yang berlebihan daripada bayaran-bayaran itu hendaklah terus boleh dikenakan cukai menurut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang lain.

Perkara 13

KELABAN DARIPADA PEMBERIANMILIK HARTA

1. Kelabaan daripada pemberianmilik harta takalih boleh dicukai di Negara Berjanji di mana harta itu terletak.

2. Kelabaan daripada pemberianmilik harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan bagi suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atau daripada pemberianmilik harta alih yang berhubung dengan suatu tempat yang tetap yang boleh digunakan oleh seorang pemastautin suatu Negara Berjanji di Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi maksud melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan profesional, termasuk apa-apa kelabaan daripada pemberianmilik suatu pertubuhan tetap itu (pertubuhan itu sahaja atau bersama-sama dengan enterprais itu kesemuanya) atau pemberianmilik suatu tempat tetap itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu. Walau bagaimanapun, kelabaan daripada pemberianmilik kapal-kapal atau kapaludara yang dikendalikan oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dalam lalulintas antarabangsa dan harta alih berhubung dengan pengendalian kapal-kapal atau kapaludara itu, boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara yang Berjanji itu sahaja.

3. Kelabaan daripada pemberianmilik syer-syer suatu syarikat yang hartanya terdiri terutamanya daripada harta takalih yang terletak dalam suatu Negara Berjanji, boleh dicukai dalam Negara itu. Kelabaan daripada pemberianmilik suatu kepentingan dalam suatu perkongsian

atau suatu amanah, yang hartanya terdiri terutamanya daripada harta takalih yang terletak dalam suatu Negara Berjanji, boleh dicukai dalam Negara itu.

4. Kelabaan daripada pemberianmilik apa-apa harta lain daripada yang tersebut dalam perenggan 1, 2 dan 3 boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang baginya pemberimilik itu adalah seorang pemastautin.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 4 tidak boleh menyentuh hak mana-mana satu Negara Berjanji untuk melevi, mengikut undang-undangnya, suatu cukai ke atas kelabaan daripada pemberianmilik apa-apa harta yang diperolehi oleh seorang perseorangan yang menjadi pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu jika pemberimilik itu telah menjadi seorang pemastautin Negara yang pertama tersebut itu pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun sebelum sahaja pemberianmilik harta itu.

Perkara 14

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PERIBADI YANG BEBAS

1. Pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan profesional atau lain-lain aktiviti bebas yang seumpamanya boleh dikenakan cukai hanya dalam negara itu sahaja. Walau bagaimanapun, dalam hal-keadaan berikut sesuatu pendapatan itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, iaitu:

- (a) Jika ia mempunyai suatu tempat tetap yang biasanya boleh digunakan olehnya dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi maksud melaksanakan aktiviti-aktivitinya; dalam hal yang demikian, hanya sekian banyak pendapatan yang boleh dikaitkan dengan tempat tetap itu sahaja boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu; atau
- (b) Jika ia tinggal di Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 183 hari atau yang melebihi pada jumlahnya 183 hari dalam tahun kalendar itu; atau
- (c) Jika saraan bagi perkhidmatan-perkhidmatannya di Negara Berjanji yang satu lagi itu adalah samada diperolehi daripada pemastautin-pemastautin bagi Negara Berjanji itu atau ditanggung oleh suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh seorang yang tidak bermastautin di Negara Berjanji itu dalam Negara itu dan mana-mana satu daripada saraan itu melebihi mana satu yang banyak antara empat ribu ringgit Malaysia (\$4,000) dengan dua ribu dollar Canada (\$2,000) dalam tahun kalendar itu, walaupun ia tinggal di Negara itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah kurang daripada 183 hari dalam tahun kalendar itu.

2. Istilah “perkhidmatan-perkhidmatan profesional” termasuklah aktiviti-aktiviti bebas mengenai aktiviti-aktiviti sains, sastera, seni, pendidikan atau perguruan dan jua aktiviti-aktiviti bebas pakar-pakar perubatan, peguam-peguam, jurutera-jurutera, akitek-akitek, dentis-dentis dan akauntan-akauntan.

Perkara 15**PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PERIBADI YANG BERGANTUNG**

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 16, 18 dan 19, gaji, upah dan lain-lain saraan yang seumpamanya yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji berkenaan dengan suatu penggunaankhidmat boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja melainkan jika penggunaankhidmat itu dijalankan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu. Jika penggunaankhidmat itu dijalankan sedemikian, apa-apa saraan yang diperolehi daripadanya boleh dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu.
2. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji berkenaan dengan suatu penggunaankhidmat yang dijalankan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara yang pertama tersebut itu sahaja jika penerima saraan itu berada di Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh tidak melebihi pada jumlahnya 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan, dan samada :
 - (a) saraan yang diperolehi di Negara Berjanji yang satu lagi itu dalam tahun kalendar yang berkenaan itu tidak melebihi mana yang banyak antara empat ribu ringgit Malaysia (\$4,000) dengan dua ribu dollar Canada (\$2,000); atau
 - (b) saraan itu adalah dibayar oleh, atau bagi pihak, seorang majikan yang bukannya seorang pemastautin Negara yang satu lagi itu, dan saraan itu tidak ditanggung oleh suatu pertubuhan tetap atau suatu tempat tetap yang dipunyai oleh majikan itu di Negara yang satu lagi itu.
3. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara ini yang tersebut di atas, saraan berkenaan dengan suatu penggunaankhidmat yang dijalankan dalam suatu kapal atau kapaludara yang dikendalikan dalam lalu-lintas antarabangsa oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji, boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja.

Perkara 16**BAYARAN PENGARAH**

Bayaran-bayaran pengarah dan bayaran-bayaran yang seumpamanya yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Berjanji atas sifatnya sebagai seorang ahli lembaga pengarah suatu syarikat yang adalah pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, boleh dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 17**SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN**

1. Walau apapun peruntukan-peruntukan perkara 14 dan 15, pendapatan yang diperolehi oleh penghibur-penghibur, seperti seniman-seniman panggung, wayang gambar, bintang-bintang radio atau talivisyen, dan ahli-ahli muzik, dan oleh olahragawan, daripada aktiviti-aktiviti mereka sendiri sebagai demikian boleh dikenakan cukai dalam Negeri Berjanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan.
2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak boleh dipakai bagi saraan atau keuntungan, gaji, upah dan pendapatan yang seumpamanya yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam suatu Negara Berjanji oleh penghibur-penghibur dan olahragawan-olahragawan jika

lawatan ke Negara Berjanji itu adalah disokong sepenuhnya atau pada sebahagian besarnya dengan kumpulanwang awam Negara Berjanji yang satu lagi itu, termasuk sesuatu bahagian-kecil politik, pihakberkuasa tempatan atau badan-badan berkanunnya.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 7, jika aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan 1 Perkara ini diadakan dalam suatu Negara Berjanji oleh suatu enterprais Negara Berjanji yang satu lagi itu keuntungan yang diperolehi daripada mengadakan aktiviti-aktiviti ini oleh enterprais itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut melainkan jika enterprais itu adalah sepenuhnya atau sebahagian besarnya disokong dengan kumpulanwang awam Negara Berjanji yang satu lagi itu, termasuk sesuatu bahagian-kecil politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, berkenaan dengan mengadakan aktiviti-aktiviti itu.

Perkara 18

PENCEN DAN ANUITI

1. Pencen dan anuiti yang terbit di suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Pencen yang terbit di suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara di mana pencen itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan bayaran-bayaran pencen berkala, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi mana yang kurang antara:

(a) 15 peratus daripada amaun kasar bayaran itu, dengan

(b) kadar yang ditentukan dengan rujukan kepada amaun cukai yang tetap dikehendaki dibayar oleh penerima bayaran itu bagi tahun itu jika sekiranya ia bermastautin di Negara Berjanji di mana bayaran itu terbit.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, pencen yang dibayar daripada kumpulanwang Malaysia atau kumpulanwang mana-mana Kerajaan Negeri atau pihakberkuasa tempatan di Malaysia kepada seseorang perseorangan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Kerajaan Malaysia atau mana-mana Kerajaan Negeri atau pihakberkuasa tempatan di Malaysia pada menjalankan tugas-tugas Kerajaan boleh dikenakan cukai hanya di Malaysia sahaja melainkan jika orang perseorangan itu adalah rakyat, dan pemastautin Canada.

4. Anuiti yang terbit di suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara di mana anuiti itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 15% daripada amaun kasar bayaran itu, walau bagaimanapun, batasan ini tidak terpakai bagi bayaran-bayaran sekali gus yang terbit apabila berlaku penyerahan balik, pembatalan, penebusan, penjualan atau lain-lain pemberianmilik sesuatu anuiti, atau bagi bayaran-bayaran daripada apa-apa jenis di bawah suatu kontrek anuiti pemutaran-pendapatan.

5. Walau apapun yang terkandung dalam Perjanjian ini:

- (a) pencen dan elaun yang diterima dari Canada di bawah Akta Pencen, Akta Pencen dan Elaun Perang Pereman atau Akta Elaun Veteran Perang dan pampasan yang diterima di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 7 Akta Kajiterbang tidak boleh dikenakan cukai dalam Malaysia selagi pencen, elaun dan pampasan itu tidak tertakluk kepada cukai Canada;
- (b) pencen dan elaun yang diterima dari Malaysia di bawah perenggan 7, 8 dan 9 Bahagian I Jadual 6 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Malaysia tidak boleh dikenakan cukai di Canada selagi pencen dan elaun itu tidak tertakluk kepada cukai Malaysia.

Perkara 19

PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. (a) Saraan, lain daripada pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Berjanji atau suatu bahagian-kecil politiknya atau suatu pihakberkuasa tempatannya kepada seseorang perseorangan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu atau bahagian-kecil politiknya atau pihakberkuasa tempatannya boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja.

